

PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU

Yahya Othman

Abstrak

Kemahiran berfikir penting dalam pelaksanaan sistem pendidikan negara. Dalam usaha untuk melahirkan pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran, amalan berfikir secara kritis dan kreatif perlu ditekankan dalam pengajaran bahasa dalam kelas. Walaupun pelaksanaannya telah lama dilakukan, namun masih wujud masalah terutama dari segi kefahaman guru dan amalan pedagogi. Kajian di Negeri Sembilan menunjukkan bahawa masih lagi terdapat faktor yang mengekang kelancaran pelaksanaannya: pemahaman guru terhadap cara pelaksanaan dalam bilik darjah, termasuklah kefahaman konsep, penggunaan alat berfikir dan rujukan yang sesuai.

Abstract

In implementing the national educational system, thinking skill is required. Creative and critical thinking is greatly emphasized in the teaching of Malay. Although it has been long implemented, some teachers still do not fully understand the concept. Studies in Negeri Sembilan showed that there are factors inhibiting the implementation of creative and critical thinking in schools: the understanding of its implementation and concept, as well as the use of references and devices.

PENDAHULUAN

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan sebahagian daripada manifestasi reformasi pendidikan yang menitikberatkan kemahiran berfikir bagi membawa

perubahan besar kepada orientasi dan kandungan kurikulum dan sistem pendidikan di Malaysia. Bagi memungkinkannya guru harus memahami dan melaksanakan peranannya sebagai pencetus aktiviti berfikir dalam amalan pedagogi bilik darjah.

Menurut Chambers (1988), pendidikan memerlukan guru yang mahir yang boleh menjadikan pelajaranya berfikir tentang perkara yang disampaikan dalam disiplin ilmu masing-masing. Maka menjadi peranan utama guru agar dapat menyediakan persekitaran dan iklim yang memungkinkan wujudnya suasana berfikir dalam kelas (Leming, 1989; Sparapani, 1998).

Penelitian melalui inovasi kurikulum ini memperlihatkan penegasan dalam aspek pembangunan kognitif yang mencakupi penguasaan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Dari segi pelaksanaan amalan KBKK, semua guru sepatutnya telah didedahkan dengan kemahiran tersebut. Walau bagaimanapun, pendedahan tidak memungkinkan semua guru mempunyai persepsi yang seragam dalam memahami KBKK. Begitu juga dengan aspek amalan dalam bilik darjah. Sering juga wujud situasi yang tidak seimbang antara persepsi guru dengan aspek amalannya dalam bilik darjah.

Kajian yang dijalankan oleh Ghazali (1997) dan Rajendran (1998) mempunyai kaitan dengan penerapan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Ghazali (1997) mengkaji soalan yang digunakan oleh guru dan tugas yang digunakan untuk membantu kefahaman membaca. Di samping itu, beliau mengaitkan kajiannya dengan penerapan *Taksonomi Cogaff* dalam membina pemikiran kritis dalam pengajaran pemahaman membaca. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masih terdapat guru yang masih tidak dapat menguasai kemahiran berfikir dengan baik walaupun perkara tersebut telah lama dilaksanakan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kajian beliau juga menunjukkan bahawa soalan yang dikemukakan oleh guru semasa mengajar juga masih rendah dan perlu dipertingkatkan. Rajendran (1998) pula telah mengkaji penggunaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran bahasa. Hasil kajian beliau menunjukkan, penggunaan HOTS dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dapat membantu keupayaan pelajar berfikir secara kritis.

Dalam membincangkan aspek pelaksanaan kemahiran berfikir, hasil kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Pendidikan, Maktab Perguruan Batu Lintang Sarawak dan Maktab Perguruan Batu Pahat menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dalam kalangan guru pelatih dalam aspek kefahaman dan kemampuan mereka menyebatkan unsur KBKK dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Wan Hasnah, 1997).

Sehubungan dengan itu, keberkesanan pelaksanaan KBKK di sekolah banyak bergantung pada sejauh mana guru memahami amalan pedagogi bagi menyampaikan kemahiran tersebut. Berdasarkan kajian Wan Hasnah (1997) didapati bahawa kaedah penyampaian dan penggunaan KBKK dalam pengajaran boleh menimbulkan masalah dari segi penggunaan kemahiran berfikir itu sendiri dan penyelesaian masalah secara yang lebih berkesan dalam persekitaran yang lebih nyata. Oleh itu, penggunaan amalan kemahiran berfikir perlu dirancang agar kemahiran tersebut dapat dikuasai oleh pelajar dengan mudah.

Oleh sebab aspek KBKK dianggap penting dalam pengajaran dalam bilik darjah kini dan akan datang, maka perlulah mekanisme yang berkaitan dengan pengajaran KBKK dipertingkatkan. Pengabaian aspek KBKK dalam pendidikan di sekolah boleh memberi impak ke atas pembelajaran pelajar seterusnya kualiti produk sekolah itu sendiri (Abdul Hadi, 1997). Kajian yang dilakukan oleh Johari Yusuf (1997) dan Lee Lai Guan (1995) juga berkaitan dengan pengajaran yang menggunakan kemahiran berfikir dan banyak menyarankan cara mengajar kemahiran tersebut.

KEMAHIRAN BERFIKIR

Terdapat beberapa konsep yang sering digunakan dalam usaha membincangkan pemikiran kritis dan kreatif. Antaranya ialah kemahiran berfikir, pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan kemahiran berfikir aras tinggi. Pemikiran kritis menurut Beyer (1985) pula ialah “proses menentukan kesahihan, ketepatan, dan nilai maklumat atau pengetahuan”. Bagi Beyer, pemikiran kritis mempunyai dua dimensi yang utama, iaitu kerangka minda dan beberapa operasi mental yang spesifik. Pemikiran kritis juga dianggap sebagai “penyataan bukti yang dapat menyokong sesuatu rumusan dan untuk mendapat bukti daripada sumber lain sebelum diterima rumusan tersebut”.

Alvino (1990) pula mengemukakan beberapa definisi yang dianggap mempunyai kaitan dengan kajian ini. Antaranya ialah;

- Taksonomi Blooms: Model pengajaran yang popular yang mengkategorikan kemahiran berfikir daripada pengetahuan konkrit kepada abstrak, pemahaman, penerapan, analisis, sintesis, dan penilaian. Tiga kategori yang akhir dianggap kemahiran aras tinggi.
- Kognisi: Operasi mental yang melibatkan pemikiran; proses biologi/neurologi bagi otak yang memudahkan berfikir.
- Pemikiran kreatif: Cara untuk melihat atau melakukan sesuatu yang dicirikan oleh empat komponen, iaitu kelancaran dalam menjana

- idea; fleksibiliti (mengubah perspektif dengan mudah); ketulenan (menggambarkan sesuatu yang baru dan asli); elaborasi (membina idea yang lain)
- **Pemikiran kritis:** Proses menghuraikan ketulenan, ketepatan atau nilai bagi sesuatu perkara; ciri bagi kebolehan untuk mencari sebab dan alternatif, melihat situasi secara keseluruhan, dan mengubah sesuatu pandangan berdasarkan kepada bukti. Kadangkala pemikiran kritis dinamai pemikiran logik dan pemikiran analitik.
- **Penyebatian:** Penyepaduan pengajaran kemahiran berfikir ke dalam kurikulum.
- **Metakognisi:** Proses merancang, menilai, dan memantau pemikiran secara sendiri yang merupakan kemuncak bagi fungsi mental.
- **Kemahiran berfikir:** Satu set kemahiran yang asas dan lanjutan serta subkemahiran yang menguasai proses mental seseorang. Kemahiran ini mengandungi pengetahuan, kecenderungan, dan operasi kognitif dan metakognitif.

Terdapat beberapa definisi yang berkaitan dengan amalan berfikir. Menurut Edward de Bono (1976), kemahiran berfikir dapat dikaitkan dengan pemikiran lateral yang membawa maksud bukan sahaja untuk menyelesaikan masalah, tetapi juga untuk melihat sesuatu berdasarkan pelbagai perspektif bagi tujuan menyelesaikan masalah. Bagi Mayer (1977) pula, pemikiran merupakan pengelolaan operasi mental tertentu yang berlaku dalam minda atau sistem kognitif bagi menyelesaikan masalah. Leming (1989) mendefinisikan pemikiran sebagai proses luar biasa yang digunakan dalam proses membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Gagasan ini juga mempunyai persamaan dengan pandangan Marzano (1970) yang melihat pemikiran sebagai proses penyelesaian masalah dan perlakuan semula jadi yang kompleks.

Pendidik, ahli falsafah, dan ahli psikologi bersetuju dengan kepentingan matlamat pendidikan, iaitu untuk mengajar berfikir. Dalam hal ini kita memerlukan beberapa rujukan untuk memastikan keberkesanan penguasaan kemahiran tersebut (Nickerson dan Perkins, 1996).

Pengajaran berfikir dapat membantu merapatkan keperluan individu dengan masyarakat. Kejayaan dalam sesebuah institusi adalah berasaskan kebolehan ahlinya menganalisis masalah, membuat keputusan bermakna, dan mencipta suasana kerja yang sesuai. Dengan memperoleh proses pemikiran yang efektif, dapatlah pelajar menunjukkan pemikiran dalaman, mempelajari pemantauan sendiri, dan menyesuaikan dengan kehidupan.

Oleh sebab pengajaran Bahasa Melayu juga menekankan amalan ber-

fikir yang tinggi, terutamanya dalam penguasaan morfologi dan sintaksis untuk membentuk makna dalam sesuatu pengucapan atau penulisan, maka guru perlu menguasai kemahiran tersebut secara mendalam. Dalam pengajaran kemahiran lisan, membaca dan menulis dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, pelajar perlu menguasai kemahiran berfikir dalam menyatakan sesuatu mesej dengan cara yang berkesan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif yang dinyatakan seperti di bawah;

- Mengkaji persepsi guru BM terhadap KBKK.
- Mengkaji persepsi guru BM terhadap pelaksanaan KBKK.
- Mengetahui kepentingan KBKK dalam penguasaan bahasa pelajar.
- Mengetahui masalah pelaksanaan KBKK dalam pengajaran BM.

METODOLOGI

Kajian dilaksanakan dengan menggunakan kaedah tinjauan. Pengumpulan data dilakukan melalui borang soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada 133 guru Bahasa Melayu (BM) yang mengajar di kelas menengah atas di tiga buah daerah di Negeri Sembilan.

Instrumen bagi kajian ini ialah soal selidik. Borang soal selidik yang dibina oleh pengkaji merangkumi dua bahagian A, dan B. Bahagian A meliputi butiran umum guru dan bahagian B pula berkaitan dengan pendedahan dan tahap pemahaman KBKK, pelaksanaan KBKK dalam bilik darjah dan masalah pelaksanaan.

ANALISIS DATA

Data dikumpulkan daripada soal selidik yang diedarkan kepada semua guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan empat. Soal selidik telah diedarkan ke sekolah dan dikumpulkan seminggu selepas itu. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Statistik deskriptif akan dilakukan untuk memperoleh peratus, min dan sisihan piawai.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 1, didapati 75 peratus guru BM memiliki pengkhususan

dalam mata pelajaran Bahasa Melayu manakala selebihnya bukan pengkhususan BM. Dapatan ini menunjukkan masih ramai guru BM yang bidang pengkhususannya bukan BM. Hal ini boleh memberi kesan terhadap keberkesanan pengajaran BM dalam bilik darjah.

Jadual 1 Pengkhususan guru BM.

Pengkhususan Guru	Peratus
Pengkhususan BM	75
Bukan pengkhususan BM	25

Jadual 2 Kehadiran kursus KBKK.

Yang Pernah Menghadiri Kursus KBKK	Peratus
Ya	78
Tidak	22

Jadual 2 menunjukkan bilangan guru BM yang telah menghadiri kursus KBKK. Seramai 78 peratus guru telah menghadiri kursus tersebut manakala 22 peratus lagi belum pernah mengikutinya.

PENGANJURAN KURSUS KBKK

Kursus yang dihadiri oleh guru BM (57 peratus) kebanyakannya diadakan pada tahun 1997 hingga 2000. Dari segi penganjuran pula, didapati kebanyakan kursus dilaksanakan oleh pihak sekolah melalui aktiviti perkembangan staf (61.5 peratus). Selain itu, kursus ini juga dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (8.7 peratus), Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (5.8 peratus) dan Pejabat Pendidikan Daerah (11.5 peratus). Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan kursus yang dihadiri dijalankan oleh pihak sekolah melalui aktiviti perkembangan staf. Hal ini membuktikan bahawa pihak sekolah telah mengambil inisiatif yang lebih untuk memastikan guru didedahkan dengan KBKK agar dapat dilaksanakan dalam bilik darjah. Jadual 3 menunjukkan penganjuran kursus KBKK dan peratus guru yang mengikutinya.

Jadual 3 Penganjuran kursusan KBKK.

Penganjur	Peratus
Pusat Perkembangan Kurikulum	8.7
Jab. Pendidikan Negeri Sembilan	5.8
Pejabat Pendidikan Daerah	11.5
Perkembangan staf	61.5
Lain-lain	12.5

PERSEPSI GURU TERHADAP KURSUS KBKK

Dalam menilai kursus yang dihadiri, guru BM menganggap kandungan kursus adalah sangat sesuai dengan min 3.75, manakala dari segi penyampaian, kebanyakan guru bersetuju mengatakan penyampaian kursus tersebut pada tahap sederhana (min 3.58). Petunjuk ini menggambarkan bahawa kursus yang disampaikan dapat memberi manfaat kepada peserta. Bagi tujuan keperluan masa depan, guru BM menyatakan bahawa kursus tersebut sangat perlu dilaksanakan (min 4.22) berdasarkan keperluan yang semakin mendesak terhadap penguasaan kemahiran tersebut. Secara keseluruhan guru BM menganggap kursus yang dilaksanakan telah memberi kefahaman yang baik kepada mereka. Jadual 5 menunjukkan persepsi guru terhadap kursus yang dihadiri.

Jadual 4 Persepsi guru terhadap kursus KBKK.

Persepsi terhadap Kursus	Min
Keberkesanan kursus	2.78
Kefahaman kandungan	3.75
Penyampaian	3.58
Keperluan kursus masa depan	4.22
Kefahaman secara keseluruhan	3.85

Berdasarkan jadual 5, guru BM bersetuju menyatakan bahawa mereka memahami penyampaian dalam kursus tersebut terutama aspek konsep asas (69.2 peratus), alat berfikir (68.3 peratus), soalan dan penyoalan (67.3 peratus) dan borang pengurusan grafik (65.4 peratus). Guru juga bersetuju bahawa mereka memahami kursus tersebut (79.8 peratus) dan menganggap

Jadual 5 Persepsi guru BM terhadap keberkesanan kursus.

Keberkesanan Kursus Berdasarkan Aspek	*SS	S	TS	STS
	Peratus	Peratus	Peratus	Peratus
Konsep asas	7.5	69.2	20.2	1.0
Alat berfikir	2.9	68.3	28.8	0
Soalan dan penyoalan	9.6	67.3	22.1	1.0
Borang pengurusan grafik	9.6	65.4	17.3	7.7
Aplikasi KBKK dalam pengajaran dan pemelajaran BM	4.8	65.4	28.8	1.0
Memahami kursus tersebut	11.5	79.8	8.7	0
Menambahkan kemahiran	19.2	74.0	5.8	1.0

*SS= sangat setuju; S= setuju; TS= tidak setuju; STS= sangat tidak setuju

penyampaian kursus tersebut dapat menambah kemahiran berbahasa. Walau bagaimanapun, bilangan guru yang tidak bersetuju dengan penyampaian aspek alat berfikir (28.8 peratus) dan menerapkan KBKK dalam pengajaran juga agak tinggi (28.8 peratus). Oleh itu penyampaian kursus yang berkesan perlulah mengambil kira aspek amali yang banyak menekankan aspek penerapannya dalam bilik darjah. Penglibatan guru secara menyeluruh akan dapat memudahkan mereka mengajar kemahiran tersebut.

KEFAHAMAN GURU BM TERHADAP KBKK

Jadual 6 menunjukkan min kefahaman guru terhadap KBKK. Kefahaman konsep guru terhadap KBKK adalah pada tahap sederhana (min 3.3). Konsep asas KBKK perlulah dikuasai kerana KBKK mempengaruhi guru dalam melaksanakan kemahiran tersebut. Aspek yang masih perlu diberi perhatian ialah kefahaman cara penyebatian KBKK dalam pengajaran, konsep CorT oleh de Bono serta konsep kognitif dan metakognitif. Masih terdapat guru yang kurang memahami aspek tersebut. Kefahaman terhadap konsep yang kurang mendalam boleh mengakibatkan timbulnya masalah, terutama dalam pelaksanaan pengajaran dalam bilik darjah.

Pemahaman dari segi penerapan kemahiran tersebut dalam pelaksanaan pengajaran sangat penting. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman berdasarkan aspek penerapan adalah sederhana (min 3.50). Di samping itu dapatan menunjukkan bahawa masih lagi terdapat guru BM yang kurang memahami aspek penerapan kemahiran bahasa menggunakan

Jadual 6 Kefahaman guru terhadap KBKK.

Kefahaman Kandungan KBKK	Min
Kefahaman konsep	3.35
Aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran	3.80
Alat berfikir	3.80
Kefahaman kandungan secara keseluruhan	3.65

KBKK. Guru BM agak kurang memahami aspek pelaksanaan yang menggunakan kemahiran berfikir dalam penyelesaian masalah dan pengajaran menulis. Hal ini merupakan aspek penting yang perlu dikuasai dalam pelaksanaan KBKK dalam bilik darjah. Jika kemahiran dari segi penerapan masih lagi menjadi masalah, maka terjejaslah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran BM itu sendiri.

Jadual 7 menunjukkan peratusan berdasarkan kefahaman guru terhadap alat berfikir.

KBKK memainkan peranan dalam menjuruskan dan memudahkan pemikiran pelajar dalam aktiviti berfikir. Dapatan kajian menunjukkan guru BM mempunyai tahap kefahaman yang tinggi dalam usaha menggunakan alat berfikir (min 3.7). Hal ini menunjukkan masih ada guru yang tidak memahami alat berfikir yang boleh digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Aspek yang dianggap perlu diberi perhatian ialah pemahaman penggunaan borang pengurusan grafik, peta konsep, dan soalan dan penyoalan.

Jadual 7 Pemahaman terhadap KBKK.

Pemahaman Konsep dan Alat Berfikir KBKK	*SF Peratus	F Peratus	TP Peratus	TF Peratus	STF Peratus
Borang pengurusan grafik	6.8	62.4	24.1	4.5	2.3
Peta konsep	12.8	72.9	12.8	0.8	2.3
Soalan dan penyoalan	9.8	76.7	9.8	3.0	0.8
Kognitif dan metakognitif	3.8	49.6	39.1	6.8	0.8
Penyelesaian masalah	5.3	60.9	26.3	7.5	0
Kepelbagaian kecerdasan Gardner	1.5	32.3	46.6	18.0	1.5
CorT deBono	2.3	36.8	43.6	15.8	1.5

*SS= sangat faham; F=faham; TF= tidak faham; STF= sangat tidak faham

Hasil kajian juga menunjukkan masih terdapat sebilangan guru yang tidak pasti dan tidak faham menggunakan bahan pengurusan grafik (30.9 peratus), peta konsep (15.9 peratus), dan soalan serta penyoalan (13.6 peratus). Walau bagaimanapun, dapatan ini menunjukkan ramai guru yang telah menguasai aspek peta konsep dan soalan dan penyoalan. Hal ini disebabkan kebanyakan alat tersebut sering digunakan dalam pengajaran kemahiran menulis dan membaca.

Bagi aspek metakognitif, kebanyakan guru masih lagi belum memahaminya dengan baik. Sebanyak 45.9 peratus guru masih belum memahami aspek metakognitif yang juga sangat penting dalam pelaksanaan KBKK, terutamanya dalam kemahiran membaca dan menulis. Manakala 33.8 peratus pula masih belum memahami aspek penyelesaian masalah dalam pengajaran BM. Aspek lain yang masih perlu diberi perhatian ialah penggunaan konsep kepelbagaian kecerdasan Gardner. Kebanyakan guru (54.6 peratus) menyatakan bahawa mereka kurang memahaminya. Konsep ini penting dikuasai kerana guru perlu mempelbagaikan penggunaan kaedah pengajaran bagi memungkinkan pelajarinya dapat berfikir dengan lebih kreatif dan kritis. Satu lagi konsep yang agak kurang difahami ialah CorT yang diperkenalkan oleh De Bono. Kebanyakan guru masih lagi tidak memahaminya (68.1 peratus).

PELAKSANAAN KBKK DALAM PENGAJARAN BM

Dari segi pelaksanaan KBKK dalam bilik darjah, dapatan menunjukkan bahawa masih terdapat guru BM yang tidak pasti dan tidak pernah (48.1

Jadual 8 Pengaplikasian KBKK dalam pengajaran BM.

Aplikasi KBKK dalam Pengajaran BM	*SS Peratus	S Peratus	TP Peratus	TS Peratus	STS Peratus
Saya pernah mengaplikasikannya dalam pengajaran BM	21.8	30.1	34.6	13.5	0
Konsep KBKK diajarkan terlebih dahulu	21.8	54.1	12.8	11.3	0
KBKK dilaksanakan secara penyebatian	10.5	55.6	24.1	9.0	0.8

*SS=sangat sesuai; S=sesuai; TS=tidak sesuai; STS= sangat tidak sesuai

peratus) melaksanakan aspek KBKK dalam bilik darjah. Sebanyak 51.9 peratus guru menyatakan bahawa mereka sering menggunakan kemahiran tersebut dalam bilik darjah. Dapatan menunjukkan bahawa masih terdapat guru yang tidak melaksanakan amalan KBKK dalam pengajarannya. Oleh itu masih ada guru BM (48.1 peratus) yang tidak melaksanakan kemahiran tersebut dalam bilik darjah dan peratusnya juga agak tinggi. Fenomena ini wujud kerana kaitannya yang rapat dengan faktor kursus pendedahan, kefahaman terhadap kandungan kursus serta kemahiran bahasa yang berkaitan.

KESESUAIAN KBKK DENGAN KEMAHIRAN BAHASA MELAYU

Kejayaan pelaksanaan pengajaran BM banyak bergantung pada cara guru menggunakan kemahiran untuk tujuan kecekapan berbahasa. Dapatan dalam Jadual 9 menunjukkan guru BM (min 3.7) menganggap KBKK sangat sesuai digunakan dalam mengajar kemahiran bahasa. Sebanyak 76.6 peratus guru BM bersetuju dengan kesesuaian penggunaannya dalam kemahiran lisan, 76.7 peratus bagi kemahiran membaca dan 85 peratus bagi kemahiran menulis. Peratusan paling tinggi yang bersetuju kesesuaiannya dalam kemahiran bahasa ialah dalam kemahiran menulis (95 peratus). Dapatan ini menunjukkan bahawa guru BM menganggap penting penggunaan KBKK dalam pengajaran bahasa yang dapat membantu meningkatkan mutu pencapaian pelajar. Data juga menunjukkan guru masih tidak pasti dan tidak bersetuju dengan pandangan kesesuaian KBKK diajar dalam BM (lisan, 23.7 peratus; membaca, 23.4 peratus; menulis, 25.1 peratus). Dapatan ini menunjukkan bahawa masih terdapat guru yang tidak dapat menentukan kesesuaian penggunaan KBKK dalam

Jadual 9 Persepsi guru terhadap kesesuaian KBKK dengan kemahiran bahasa.

Kemahiran Bahasa	*SS Peratus	S Peratus	TP Peratus	TS Peratus	STS Peratus
Lisan	18.0	58.6	18.0	5.3	0
Membaca	15	61.7	18.8	3.8	0.8
Menulis	22.6	62.4	12.8	2.3	0

*SS= sangat setuju; S= setuju; TP= tidak pasti; TS= tidak setuju; STS= sangat tidak setuju

kemahiran bahasa.

Dalam aspek bahasa, penggunaan KBKK banyak membantu guru dalam pengajaran BM dan dapat menggalakkan pelajar mahir dalam kemahiran tersebut. Pengajaran lisan umpamanya memerlukan pelajar menyatakan idea atau hujah bagi menjelaskan sesuatu tajuk perbincangan. Untuk memastikan mereka bersifat kritis terhadap sesuatu isu, guru BM perlulah menegaskan kepentingan pemikiran kritis dan kreatif. Dapatan kajian menunjukkan guru BM menunjukkan iltizam yang tinggi untuk menggunakan amalan KBKK dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan Jadual 10, guru BM menyatakan kemahiran lisan sesuai diajarkan dengan menggunakan KBKK berdasarkan subkemahiran lisan yang memerlukan pelajar menyatakan sesuatu perkara yang didengar semula dalam bentuk rumusan, atau menyatakan nilai murni yang terkandung di dalamnya. Sehubungan dengan itu, pengajaran BM yang menekankan keupayaan pelajar untuk mendengar dengan berkesan perlu disertai dengan kejayaan pelajar menyatakannya semula dalam bentuk yang

Jadual 10 Kesesuaian kemahiran lisan dalam pengajaran KBKK.

Kemahiran Lisan	*SS Peratus	S Peratus	TP Peratus	TS Peratus
Mendengar dan memahami maklumat tertentu seperti isi penting dan tema	35.2	45.3	13.7	5.8
Mendengar dan memahami fakta dan idea	36.9	52.4	25.7	10.7
Mendengar dan memahami maksud keseluruhan dan nilai yang terkandung dalam pelbagai bahan prosa dan puisi	48.7	36.9	12.1	2.3
Menyatakan isi penting dan urutan peristiwa yang terdapat dalam pelbagai bahan prosa dan puisi	52.1	39.7	6.2	2.0
Menghuraikan sesuatu dengan berpandukan bahan rangsangan seperti bahan grafik alat dan model	38.2	48.4	10.2	3.2
Berbincang tentang isu semasa	56.3	33.5	7.2	3.3

*SS=sangat sesuai; S=sesuai; TS=tidak sesuai; STS= sangat tidak sesuai

Jadual 11 Kesesuaian kemahiran membaca dalam pengajaran KBKK.

Kemahiran Membaca	*SS Peratus	S Peratus	TP Peratus	STS Peratus
Membaca kuat bahan prosa dan puisi dengan sebutan, intonasi dan pembacaan yang baik	36.3	49.6	10.2	3.9
Membaca dan memahami kata, ungkapan, ayat dan peribahasa yang terdapat dalam pelbagai bahan prosa	31.9	52.2	10.5	5.4
Membaca senyap dan memahami makna kata baru yang terdapat dalam pelbagai bahan prosa dengan merujuk kepada kamus	14.3	65.4	12.4	5.3
Membaca dan memahami pelbagai prosa dan puisi dan menaakul perkara yang tersurat dan tersirat	45.6	36.7	12.4	5.3
Membaca dan memahami hasil karya kesusasteraan dalam bentuk prosa dan puisi untuk penikmatan	32.1	55.4	10.6	1.9
Membaca, memahami dan melakonkan dialog drama	15.6	49.7	23.0	11.7

*SS=sangat sesuai; S=sesuai; TS=tidak sesuai; STS= sangat tidak sesuai

lebih kritis dan kreatif.

Di samping itu, KBKK sesuai dilaksanakan dalam pengajaran kemahiran membaca. Seperti dalam Jadual 11, kebanyakan guru menyatakan bahawa sesuai dilaksanakan pengajaran kemahiran membaca dengan menggunakan KBKK. Hal ini demikian kerana kebanyakan subkemahiran yang terdapat dalam sukatan pelajaran memerlukan pelajar menggunakan keupayaan kognitifnya untuk menterjemahkan teks yang dibaca. Dalam pengajaran membaca peringkat sekolah menengah, membaca teks secara kritis penting dilaksanakan kerana aktiviti ini akan dapat membina kecekapan pelajar mengorganisasikan kandungan teks dengan berkesan.

Dalam kemahiran menulis BM, guru memberi reaksi yang positif dalam penggunaan KBKK dalam pengajaran (Jadual 12). Kesesuaian ini dilihat daripada aspek keperluan kepada pelajar menghuraikan idea dalam penulisannya secara kritis dan kreatif. Dalam kemahiran menulis karangan

Jadual 12 Kesesuaian kemahiran menulis dalam pengajaran KBKK.

Kemahiran Menulis	*SS Peratus	S Peratus	TP Peratus	STS Peratus
Membuat karangan daripada lakaran dan catatan dengan menggunakan kata, frasa dan ayat yang betul	45.5	29.5	20.6	4.4
Menyusun perenggan mengikut urutan isi karangan	41.4	32.5	21.7	4.4
Membina ayat yang betul, tepat gramatis bagi jawapan pemahaman	31.3	44.7	21.8	2.2
Membina pelbagai ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan	34.9	48.6	10.8	5.7
Menulis pernyataan yang terdapat dalam bahan grafik seperti daripada jadual, peta dan rajah	44.1	36.4	10.2	9.3
Menulis pengumuman, ucapan, berita, iklan dan dialog drama	35.3	49.3	10.9	4.5

*SS=sangat sesuai; S=sesuai; TS=tidak sesuai; STS= sangat tidak sesuai

terutama yang berbentuk perbincangan, pelajar perlu menggunakan pemikirannya yang kritis untuk mempertahankan pandangan serta hujah. Kemahiran berfikir juga penting bagi memudahkan pelajar membuat rumusan berdasarkan pembacaan teks yang diberi.

Dalam pengajaran tatabahasa, penerapan KBKK juga dianggap sesuai digunakan dalam pengajaran tatabahasa walaupun terdapat juga guru BM yang menyatakannya tidak sesuai (Jadual 13). Kebanyakan guru bersetuju agar pengajaran tatabahasa dapat membantu pelajar memberi penekanan terhadap membina makna dan penggunaan ayat dalam konteks yang sesuai. Kebanyakan guru menyatakan tidak sesuai mengajar tatabahasa dengan menggunakan KBKK jika hanya sekadar menghafaz rumus tatabahasa atau memberi contoh ayat dan latihan yang berkaitan.

Guru BM boleh meningkatkan penguasaan BM dalam kalangan pelajar-nya dengan menggunakan KBKK. Kemahiran BM yang terkandung dalam sukatan pelajaran boleh disesuaikan dengan keperluan pelajar terutamanya untuk menjadikan pelajaran BM lebih berkesan.

Jadual 13 Kesesuaian pengajaran tatabahasa dalam KBKK.

Kemahiran Tatabahasa dalam KBKK	*SS Peratus	S Peratus	TP Peratus	STS Peratus
Menitikberatkan makna dan penggunaan dalam konteks	36.6	46.4	12.4	7.6
Menghafaz rumus tatabahasa	10.5	28.8	31.9	28.8
Penggunaan bahan rangsangan	15.5	26.5	29.8	28.2
Memberi contoh ayat dan latihan	15.3	31.5	28.2	25.0

*SS=sangat sesuai; S=sesuai; TS=tidak sesuai; STS= sangat tidak sesuai

STRATEGI PELAKSANAAN

Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan, kaedah yang sesuai perlu digunakan agar kejayaan pengajaran dan pembelajaran pada tahap optimum. Jadual 14 menunjukkan persepsi guru BM terhadap pelaksanaan KBKK dalam pengajaran BM. Dari segi strategi pelaksanaan, min yang diperolehi ialah 3.8 dan ini bermakna strategi yang digunakan dianggap sesuai. Dari segi kaedah pelaksanaannya juga didapati strategi yang digunakan dianggap sesuai oleh guru BM. Hal ini juga menunjukkan bahawa guru BM sedar bahawa dengan memberi kefahaman berkaitan KBKK pada tahap awal akan dapatlah dibantu keberkesanan pelaksanaan KBKK dalam mata pelajaran BM.

Persepsi guru terhadap aspek sokongan juga sangat baik (4.14). Di samping itu, aspek penggunaan bahan sumber pada tahap sederhana (3.44). Banyak guru yang beranggapan bahawa tahap pengendalian KBKK adalah pada tahap sederhana (2.72).

Jadual 14 Persepsi guru terhadap strategi pelaksanaan.

Persepsi terhadap Strategi Pelaksanaan	Min
Kesesuaian	3.70
Kaedah pelaksanaan	3.66
Sokongan	4.14
Bahan sumber	3.44
Tahap pengendalian	2.782

Jadual 15 menunjukkan persepsi guru terhadap aspek strategi pelaksanaan KBKK dalam bilik darjah dalam mengajar BM.

Strategi pelaksanaan sangat penting dalam memastikan keberkesanan pengajaran. Jadual 15 menunjukkan strategi pelaksanaan yang dilaksanakan oleh guru dalam kelas. Sebanyak 60.9 peratus guru menyatakan bahawa mereka mengendalikan pengajaran menggunakan KBKK mengikut kefahaman masing-masing. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengajaran guru dalam kelas tidak mengikut format dan strategi yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Kesannya ialah pengajaran yang tidak berkesan dan kemahiran yang dikehendaki tidak mencapai matlamatnya.

Di samping itu, dapatan menunjukkan bahawa 66.2 peratus guru melaksanakan KBKK dengan cara merujuk kepada buku teks atau buku yang berkaitan. Seramai 84.9 peratus pula mengubahsuaikan pengajaran mengikut kesesuaian pelajar dan bahan. Hal ini menunjukkan guru akan melaksanakan pengajaran dengan mengambil kira faktor pelajar dan bahan yang sedia ada. Kesukaran untuk mendapat bahan akan menjadikan guru sering menggunakan buku teks sebagai rujukannya. Hal ini juga disebabkan bahan yang terdapat dalam buku teks boleh disesuaikan dengan keperluan berfikir dalam kalangan pelajar. Pengubahsuaian strategi mengajar juga dilaksanakan agar guru dapat menyampaikan bahan pengajaran sesuai dengan

Jadual 15 Persepsi terhadap strategi pelaksanaan.

Persepsi Strategi Pelaksanaan	*SS Peratus	S Peratus	TP Peratus	TS Peratus	STS Peratus
Saya kurang memahami cara menerapkan KBKK	3.0	24.8	26.3	42.1	3.8
Saya sukar mengendalikan pengajaran KBKK	2.3	23.3	26.3	43.6	4.5
Pengendalian mengikut kefahaman sendiri	5.3	55.6	23.3	12.8	3.0
Saya merujuk buku/ buku teks untuk mengajar KBKK	4.5	61.7	15.0	15.0	3.8
Ubahsuaikan pengajaran ikut kesesuaian	15.0	69.9	11.3	2.3	0

*SS= sangat setuju; S= setuju; TP= tidak pasti; TS= tidak setuju; STS= sangat tidak setuju

kebolehan dan kecerdasan pelajar.

Walau bagaimanapun, masih terdapat guru yang menyatakan bahawa agak sukar untuk memahami strategi pelaksanaan KBKK dalam bilik darjah. Hal ini merupakan kesan daripada kefahaman terhadap kursus yang dihadiri, terutama aspek yang berkaitan dengan cara menerapkannya dalam pengajaran BM. Terdapat 72.2 peratus guru yang masih kurang memahami cara menerapkan kemahiran tersebut. Manakala 79.4 peratus guru yang sukar untuk mengendalikan pengajaran BM dengan menggunakan KBKK. Dapatan ini menggambarkan pengajaran menggunakan kemahiran tersebut agak sukar dilaksanakan.

Guru BM juga setuju (66.7 peratus) dengan aspek penyebatian kemahiran dalam pengajaran menggunakan KBKK. Walau bagaimanapun masih terdapat 33 peratus guru yang tidak pasti dengan strategi penggunaan KBKK secara penyebatian. Dari segi penyelarasan pelaksanaan, kaedah penyebatian perlu diberi perhatian dalam pengajaran kerana kaedah ini sangat sesuai dalam KBKK.

KESESUAIAN PELAKSANAAN

Dari segi pelaksanaan di dalam bilik darjah, dapatan kajian (Jadual 16) menunjukkan bahawa guru BM berpendapat KBKK tidak sesuai dilaksanakan dalam kelas peperiksaan (49.6 peratus). Dapatan ini menggambarkan kebanyakan guru masih belum memahami bahawa pengajaran KBKK merentas kurikulum atau dijalankan secara penyebatian memberi kesan negatif sehingga dapat mempengaruhi pencapaian pelajar dalam peperiksaan. Sepatutnya guru perlu sedar akan kepentingan penguasaan KBKK untuk tujuan peperiksaan terutama persediaan pelajar dalam menjawab soalan peperiksaan yang berada pada domain kognitif yang tinggi. Contohnya dalam soalan pemahaman, pelajar akan diminta

Jadual 16 Persepsi guru BM terhadap kesesuaian pelaksanaan KBKK.

Kesesuaian Pelaksanaan	*SS Peratus	S Peratus	TP Peratus	TS Peratus	STS Peratus
Membantu menambah daya fikir	32.3	51.1	4.0	6.0	1.5
Tidak sesuai untuk kelas peperiksaan	6.0	15.0	29.3	40.6	9.0

*SS= sangat setuju; S= setuju; TS= tidak setuju; STS= sangat tidak setuju

Jadual 17 Kekerapan menggunakan alat berfikir.

Kekerapan Penggunaan Alat Berfikir	*SS Peratus	S Peratus	TP Peratus	TS Peratus	STS Peratus
Saya sering menggunakan CorT	5.3	51.1	4.0	6.0	1.5
Saya sering menekankan soalan dan penyoalan	4.5	45.9	27.8	91.1	1.5
Saya sering menggunakan borang pengurusan grafik.	0.8	41.1	33.1	23.3	1.5

*SS= sangat setuju; S= setuju; TS= tidak setuju; STS= sangat tidak setuju

menjawab soalan pada tahap tinggi. Hal ini selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan kandungan soalan peperiksaan yang mengandungi elemen KBKK.

Dari segi pelaksanaan pula, 65 peratus guru menyatakan bahawa kaedah penyebatian sangat sesuai untuk dilaksanakan dalam pengajaran BM. Penyebatian KBKK dalam pengajaran BM dianggap dapat membantu pelajar dalam menguasai KBKK secara tidak langsung di samping penguasaan kemahiran bahasa yang lain. Walau bagaimanapun, bagi menentukan kejayaan penguasaan KBKK dalam BM, guru juga dapat membuat penyesuaian (75 peratus) terhadap pengajaran berdasarkan bahan yang digunakan.

Jadual 17 pula menunjukkan kekerapan guru menggunakan alat berfikir dalam pengajaran BM. Hanya 50.4 peratus guru yang sering menggunakan aspek soalan dan penyoalan untuk meningkatkan keupayaan berfikir dalam kalangan pelajar. Penggunaan soalan dan penyoalan sangat penting dalam pelaksanaan KBKK dalam pengajaran BM. Perancangan penyoalan yang baik dapat memberi tindak balas pemikiran yang berkesan.

Dari segi penggunaan alat berfikir yang lain, didapati 56.4 peratus guru yang menggunakan CorT oleh de Bono dalam mengajar kemahiran bahasa. Dapatan ini menunjukkan bahawa masih ramai lagi guru BM yang tidak menggunakan alat tersebut semasa mengajar. Dapatan ini selaras dengan dapatan yang menunjukkan bahawa mereka masih belum dapat memahami penggunaan alat tersebut dalam pengajaran BM. Dapatan juga menunjukkan masih ramai guru BM (57 peratus) yang tidak menggunakan borang pengurusan grafik seperti yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Kesimpulannya, dapatan menunjukkan bahawa dari segi pelaksanaan KBKK dalam pengajaran BM, masih terdapat kelemahan,

Jadual 18 Persepsi guru terhadap sokongan dalam pelaksanaan.

Sokongan dalam Pelaksanaan	*SS Peratus	S Peratus	TP Peratus	TS Peratus	STS Peratus
Sokongan rakan sejawatan penting	21.8	66.3	11.3	0.8	0
Sokongan pentadbir penting	25.6	62.4	12.0	0	0
Sokongan ahli panitia penting	32.3	57.1	9.8	0.8	0.8

*SS= sangat setuju; S= setuju; TS= tidak setuju; STS= sangat tidak setuju

terutama dalam penggunaan alat berfikir yang dapat membantu pelajar dalam meningkatkan daya fikir.

SOKONGAN

Sokongan daripada pihak pentadbir sangat penting dalam pelaksanaan program ini. Dapatan kajian dalam Jadual 18 menunjukkan bahawa pentadbir memberi sokongan yang tinggi (min 4.2) bagi menjayakan program ini. Kebanyakan guru menyatakan bahawa sokongan perlu diberi untuk melaksanakan KBKK di dalam bilik darjah. Lapan puluh lapan peratus guru menyatakan bahawa sokongan pihak pentadbir sangat membantu dalam pelaksanaan KBKK di dalam bilik darjah. Rakan sejawatan (88 peratus) juga dianggap memainkan peranan yang penting bagi memastikan pelaksanaannya lebih berkesan. Di samping itu, peranan yang dimainkan oleh panitia mata pelajaran (89.4 peratus) juga sangat membantu mereka dalam menentukan kejayaan pelaksanaan KBKK. Oleh itu, untuk menjadikan pelaksanaan KBKK berkesan pada peringkat sekolah, pihak pentadbir, panitia dan rakan sejawatan yang lain perlu berperanan dan mempunyai kesedaran untuk melaksanakannya. Di

Jadual 19 Masalah penyediaan bahan pengajaran.

Bahan Pengajaran	*SS Peratus	S Peratus	TP Peratus	TS Peratus	STS Peratus
Sukar menyediakan bahan	4.5	45.9	18.8	27.6	3.0
Buku rujukan sukar diperoleh	9.0	43.6	24.8	19.5	3.0

*SS= sangat setuju; S= setuju; TS= tidak setuju; STS= sangat tidak setuju

samping itu, sekolah perlu mempunyai sumber dan kepakaran pada peringkat sekolah dengan cara membentuk pasukan atau jawatankuasa pada peringkat panitia BM yang mampu membantu guru yang menghadapi masalah melaksanakannya.

BAHAN SUMBER

Pemilihan dan penggunaan bahan sumber pengajaran sangat penting dalam pelaksanaan KBKK. Dengan menggunakan bahan sumber yang sesuai, akan lebih bermakna pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahan sumber dalam KBKK masih lagi sederhana (min 3.4). Agak sukar bagi mereka mendapat bahan dalam bentuk modul, pakej pembelajaran dan panduan khas untuk melaksanakan KBKK dalam BM.

PENYEDIAAN BAHAN PENGAJARAN

Bahan pengajaran sangat penting dalam usaha menentukan kejayaan sesuatu pengajaran. Min bagi masalah bahan pengajaran KBKK ialah 3.3. Dapatan ini menunjukkan bahawa masalah dalam penyediaan bahan pengajaran pada tahap sederhana. Enam puluh peratus guru BM menyatakan bahawa mereka sukar untuk menyediakan bahan mengajar berkaitan keperluan berfikir. Mereka juga (53 peratus) menghadapi masalah untuk mendapatkan buku rujukan berkaitan. Dalam hal ini, dapatan menunjukkan bahawa aspek penyediaan bahan masih menjadi masalah dalam pengajaran BM yang menggunakan KBKK. Masalah ini mungkin mempengaruhi keberkesanan pengajaran BM.

Jadual 20 Masalah kefahaman pelaksanaan.

Kefahaman Pelaksanaan	*SS Peratus	S Peratus	TP Peratus	TS Peratus	STS Peratus
Sukar menterjemahkan KBKK dalam pengajaran dan pembelajaran BM	9.0	27.1	24.8	34.8	4.5
Pendedahan terhadap KBKK kurang sesuai diterapkan	3.8	33.1	33.8	27.8	1.5

* SS= sangat setuju; S= setuju; TS= tidak setuju; STS= sangat tidak setuju

PEMAHAMAN

Kefahaman konsep KBKK amat penting dikuasai oleh guru dan mempengaruhi keberkesanan pengajaran. Dapatan kajian (Jadual 20) menunjukkan bahawa min bagi aspek kefahaman konsep ialah 3.6 dan berada pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru BM setuju untuk menyatakan masalah kefahaman konsep masih wujud dalam kalangan mereka. Contohnya mereka (36.1 peratus) menyatakan kesukaran menterjemah kemahiran berfikir dalam pengajaran BM. Hal ini menunjukkan guru BM perlu memahami konsep KBKK secara mendalam bagi menjamin keberkesanan pengajaran.

PENERIMAAN PELAJAR

Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan KBKK dalam pengajaran BM memberi kesan sederhana kepada pelajar (min 3.0). Contohnya, 47 peratus guru menyatakan pelajar mereka tidak berminat dengan aktiviti yang melibatkan kemahiran berfikir. Terdapat 31 peratus guru yang menyatakan bahawa pelajar tidak dapat menggunakan kemahiran berfikir sepenuhnya dalam kemahiran bahasa. Hal ini menggambarkan bahawa pelajar tidak dapat memanfaatkan kemahiran berfikir yang diajarkan oleh guru untuk menguasai kemahiran bahasa.

Jadual 21 Masalah penerimaan pelajar.

Kesan Penerimaan Pelajar	*SS Peratus	S Peratus	TP Peratus	TS Peratus	STS Peratus
Pelajar kurang minat dalam aktiviti berfikir	5.3	41.4	21.8	24.8	6.8
Pelajar tidak menggunakan KBKK dalam kemahiran bahasa	3.8	27.8	29.3	33.8	5.3

* SS= sangat setuju; S= setuju; TS= tidak setuju; STS= sangat tidak setuju

PENGENDALIAN PENGAJARAN

Cara pengendalian pengajaran sangat penting dalam usaha menentukan kejayaan pengajaran guru. Dapatan menunjukkan masalah pengendalian pengajaran KBKK guru BM pada tahap sederhana (3.5). Peruntukan masa dalam pengajaran juga dianggap sesuai bagi melaksanakan aktiviti kemahiran berfikir. Dari segi penilaian pengajaran, 37 peratus guru menyatakannya

Jadual 22 Masalah pengendalian pengajaran.

Pengendalian Pengajaran	*SS Peratus	S Peratus	TP Peratus	TS Peratus	STS Peratus
Masa selama 80 minit sesuai untuk (2 Waktu) melaksanakan KBKK	13.5	66.2	13.5	6.8	0
Penilaian kemahiran berfikir sukar dilaksanakan	6.8	30.8	36.1	23.3	3.0

*SS= sangat setuju; S= setuju; TS= tidak setuju; STS= sangat tidak setuju

sukar dilaksanakan. Hal ini menunjukkan aspek penilaian kemahiran berfikir sukar dilakukan oleh guru.

Di samping itu, guru (52 peratus) juga menyatakan tidak wujudnya penyelarasan dari segi pengendalian kemahiran berfikir dalam pengajaran. Panitia BM perlu menyelaraskan aspek pelaksanaan agar kendalian kemahiran tersebut dilakukan dengan lancar. Kesimpulannya min bagi masalah melaksanakan KBKK dalam pengajaran dan pembelajaran BM dapat dinyatakan dalam Jadual 23.

Jadual 23 Min bagi masalah dalam pelaksanaan.

Masalah Pelaksanaan	Min
Bahan pengajaran	3.28
Kefahaman pelaksanaan	3.58
Kesan terhadap pelajar	3.02
Pengendalian pengajaran	3.46
Masalah secara keseluruhan	3.34

Dapatan dalam Jadual 23 menunjukkan aspek masalah dalam melaksanakan KBKK dalam pengajaran BM berada pada tahap sederhana. Hal ini menggambarkan masih wujud masalah dari segi pelaksanaan pengajaran BM yang menggunakan KBKK.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan amalan KBKK dalam pengajaran BM masih

lagi pada tahap sederhana. Guru pula berpandangan bahawa mereka masih lagi perlu didedahkan secara lebih meluas terhadap konsep ini, terutama daripada aspek pengendalian KBKK dalam bilik darjah. Mereka juga didapati masih lagi memerlukan kursus yang banyak menekankan aspek amali dalam melaksanakannya. Oleh sebab konsep KBKK memerlukan penguasaan yang baik maka persediaan guru terhadap kefahaman dan pengendaliannya perlulah lebih memberi manfaat.

Kefahaman guru terhadap KBKK akan mempengaruhi keberkesanan pengajaran dalam bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru BM perlu diberi pendedahan mendalam dengan berpandukan modul atau bahan mengajar yang mudah dikendalikan. Dengan ini pelajaran BM akan menjadi lebih berkesan dan pemikiran pelajar juga akan terarah dengan baik.

Pelaksanaan KBKK dalam bilik darjah memerlukan iltizam yang mendalam dalam kalangan guru. Guru sudah pasti tidak mahu terbebani dengan gesaan agar pelaksanaan KBKK tidak mengganggu kelas peperiksaan. Walau bagaimanapun, keadaan ini boleh diatasi dengan merasionalkan pemikiran guru bahawa pengajaran KBKK secara penyebatian adalah sangat sesuai dengan apa juga jenis kelas sama ada kelas peperiksaan ataupun bukan kelas peperiksaan.

Walaupun masalah wujud dalam pelaksanaan KBKK di sekolah, namun pihak Jabatan Pendidikan, Pejabat Pendidikan Daerah serta Pusat Perkembangan Kurikulum perlulah lebih proaktif dalam menegaskan kepentingan pelaksanaan KBKK dalam BM.

Kesimpulannya, penggunaan KBKK dalam pengajaran BM sangat penting dalam konteks pendidikan bahasa kini. Orientasi ke arah menjadikan pelajar berdaya fikir secara kritis dan kreatif seharusnya diberi penekanan dalam kurikulum BM. Guru sebenarnya berpeluang untuk menerapkan amalan berfikir dalam pengajarannya.

RUJUKAN

- Abdul Hadi Mohamad, 1997. "Amalan Penyebatian Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran dan Pemelajaran Bahasa Melayu KBSR" Kertas Kerja Wacana Pendidikan ke-4, MP Pasir Panjang, Kuala Terengganu.
- Alvino, J., 1990. "Building Better Thinkers" dlm. *Learning*, Jil. 18 (2) (40).
- Beyer, B.K., 1987. *Practical Strategies for the Teaching of Thinking*. Boston: Allyn Bacon.
- Chambers, 1988. *Thinking in the Classroom*. New York: Teachers College Press, Columbia University.
- Chance, P., 1986. *Thinking in the Classroom*. New York: Teachers College Press,

Columbia University.

- Clasen, D. R. , dan C. Bonk, 1990. *Teachers Tackle Thinking*. Madison, Wis: Madison Education Extension Program.
- De Bono. E., 1976. "The Direct Teaching of Thinking in Education and CoRT Method". dlm. McLure. S., dan Davies. P. *Learning To Think*. New York: Pergamon Press.
- Ghazali Mustapha, 1997. "An Investigation into Teacher's Question and Task to Develop Reading Comprehension: The Application of the Cogaff Taxonomy in Developing Citical Thinking in Malaysia". Tesis Doktor Falsafah.
- Johari Yusuf, 1997. "Aras Kognitif Soalan Kefahaman Ujian Bahasa Melayu Tahun 6 Sekolah Rendah di Negeri Terengganu:" Hala Tuju UPSR. dlm. Kertas Kerja Wacana Pendidikan Maktab Perguruan Pasir Panjang, Kuala Terengganu.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990. *Alat-alat Berfikir*. Unit Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993. *Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif-Model Pengajaran dan Pembelajaran*. Unit Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru, Kuala Lumpur.
- Leming, J.S., 1989. "Some Critical Thought About Teaching of Critical Thinking". dlm. *Studies*, Jil. 89 (2).
- Lee Lai Guan, 1995. "Kajian Keberkesanan Kursus Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif di Kalangan Guru Pelatih Institut Perguruan Darul Aman" Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Pendidikan, Sarawak.
- Marzano, R.J. 1991. "Language, the Language Art, and Thinking. dlm. James Flood *et al.* (ed.)" *Handbook of Research on Teaching the English Language Art*. New York: McMillan Publishing Co.
- Nickerson, R. Perkins, D. dan Smith, E., 1985. *The Teaching of Thinking*, New Jersey: Lawrence Erlbaum Assc. Publishers.
- Rajendran Nagappan, 1998. "Teaching Higher Order Thinking Skills in Language Classroom: The Needs for Transformation of Teaching Practice". Disertasi Doktor Falsafah.
- Resnick, L.B., dan Klopfer, 1989. *Toward the Thinking Curriculum: Current Cognitive Research*. Alexandria, VSA: ASCD.
- Srapani. E.F., 1998. "Encouraging Thinking in High School and Middle School: Constraints and Possibilities". dlm. *Clearing House*, Jil. 71 (5).
- Swartz, R.J., dan D.N., Perkins, 1990. *Teaching Thinking: Issues and Approaches*. Pacific Groves, Calif.: Midwest Publication.
- Wan Hasnah Abdullah, 1997 "Persepsi Guru Pelatih terhadap Keyakinan Diri dan Amalan KBKK dalam Penataran Pengajaran dan Pembelajaran". Kertas Kerja Wacana Pendidikan ke-4, Maktab Perguruan Pasir Panjang, Kuala Terengganu.